



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "KEWAJIPAN MEMELIHARA AKIDAH"

18 Ogos 2023 / 1 Safar 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ وَعَلَمَهُ الْبَيَانَ، وَجَعَلَهُ بِالْعُقْلِ وَشَرَفَهُ بِالْإِيمَانِ، وَفَضَّلَهُ بِالْعِلْمِ عَلَى سَائِرِ الْحَيَوَانِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الدَّيَانُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ إِلَى الْإِنْسِ وَالْجَانِ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ بِالْإِحْسَانِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْ صِنْكُومُ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقْدَ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan,**

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; membersihkan jiwa dari segala dosa dan noda, serta sifat-sifat mazmumah yang menghitamkan hati dan merosakkan amal. Mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa *qalbun salim* (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: "KEWAJIPAN MEMELIHARA AKIDAH"

Firman Allah SWT ayat 153 surah al-An'am:

﴿ وَإِنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ رُجُونٌ ﴾ ١٥٣

Bermaksud: Dan bahawa sesungguhnya inilah jalan Ku (Agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam) kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, dengan demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya kamu bertakwa.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Islam ialah agama untuk menyelamatkan manusia di dunia dan di akhirat. Syarat untuk selamat di dunia dan di akhirat adalah dengan mengabdikan diri; menyembah semata-mata kepada Allah Maha Esa, berpegang kepada akidah yang benar, serta menjalani tatacara kehidupan yang bertepatan dengan contoh teladan yang diamalkan oleh Rasulullah SAW.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan, bahawa umat Islam di negara ini hendaklah mengikut ajaran Islam berpaksikan ahli Sunnah Waljamaah daripada segi akidah, syariah dan akhlak. Ahli Sunnah Waljamaah bererti, mereka yang berpegang kepada sunnah Rasulullah SAW dan para sahabat Ridwanullahi alaihim. Pegangan ahli Sunnah Waljamaah bersumberkan al-Quran dan As-Sunnah, terbina daripada nas-nas dan dalil-dalil syarak yang sahih dengan rangkuman kebijaksanaan akal fikiran insani dinaungi bimbingan Ilahi.

Untuk memastikan diri serta ahli keluarga kekal berpegang pada jalan yang benar, ummah hendaklah berwaspada terhadap apa jua aliran pemikiran, ajaran, kepercayaan dan amalan yang memiliki unsur-unsur khurafat dan syirik. Sifat kurang beriltizam dengan pegangan akidah yang benar, boleh merosakkan kemurnian agama, di samping membawa mudarat kepada diri dan keluarga, juga boleh menggugat keharmonian masyarakat seterusnya memporak-perandakan negara.

### Para jemaah Rahimakumullah,

Ummah wajib pada setiap masa memelihara akidah agar terpelihara kebenaran dan kesuciannya. Kunci untuk dianugerahkan syurga Ilahi serta dijauhkan daripada azab api neraka, adalah dengan berpegang teguh kepada akidah yang benar. Ummah wajib berwaspada agar niat, keyakinan, percakapan dan perbuatan tidak bercanggah dengan akidah. Perlakuan yang bertentangan dengan syarak, boleh mengakibatkan terbatalnya akidah. Rasulullah SAW menolak sebarang perbuatan atau amalan yang tidak berdasarkan nas-nas yang sahih atau tidak bersandarkan sunah. Sabda Baginda SAW:

*مَنْ أَخْدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ*

Bermaksud: Sesiapa yang mengadakan pembaharuan dalam urusan kami ini (agama) yang bukan berasal darinya, maka ia nya tertolak. (Hadis Riwayat Bukhari Muslim)



Hadis tersebut memperingatkan ummah agar segala amalan yang dilakukan hendaklah berasaskan ajaran Islam yang sahih. Sebaik diamanahkan menjadi rasul, Baginda menerapkan akidah yang sahih kepada para sahabat dengan menghapuskan amalan dan kepercayaan berbentuk khurafat yang dilakukan ketika jahiliah, dan mereka diajarkan keyakinan untuk bergantung hanya kepada Allah SWT. Dua perkara yang boleh menyebabkan amalan yang bertentangan dengan akidah berlaku:

**Pertama:** Tidak memiliki asas agama yang kukuh kerana tidak berpeluang melalui pendidikan, bimbingan dan asuhan yang betul ketika usia kanak-kanak dan remaja.

**Kedua:** Merujuk perkara berkaitan agama melalui sumber yang tidak memiliki kepakaran dan fahaman yang sahih.

Akibatnya, terdapat anggota masyarakat yang tidak memiliki asas ilmu agama, serta fahaman agama yang sahih, lantas mentafsirkan agama secara yang kurang bertepatan dengan syariat Islam. Teknologi yang membolehkan ummah memperoleh maklumat dengan mudah melalui Internet, merupakan cabaran besar. Ummah perlu bijak menapis mana-mana ajaran yang melanggar batas syarak dengan merujuk kepada ilmuwan dan ulama yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan mendalam mengenai Islam, agar ummah terhindar daripada dipengaruhi oleh perkara-perkara yang meragukan dan berkemungkinan menyesatkan.

Perbuatan khurafat boleh membawa syirik, malah dibimbangkan sekiranya dilakukan secara berterusan boleh menyebabkan tergelincirnya akidah. Pengaruh kepercayaan mistik dan ajaib, seperti mempercayai keajaiban haiwan tertentu, meyakini alam memiliki semangat yang perlu dilakukan pemujaan, mempercayai keramat hutan belantara, gunung atau bukit, keramat perkuburan, atau mempercayai tukang ramalan, menggunakan khidmat makhluk halus bertujuan menyihir seseorang, merenjis air jampi kepada kenderaan dengan kepercayaan dapat terhindar daripada musibah kemalangan, kerosakan atau kecurian, merupakan amalan-amalan yang bertentangan dengan akidah.

Ummah diperingatkan ajaran-ajaran bersandarkan kedatangan Imam Mahdi dan kepercayaan akhir zaman digandingkan dengan upacara tertentu, merupakan ajaran yang sesat lagi meragukan. Terbaru ajaran yang mendakwa Nabi Muhammad SAW ialah Tuhan, manakala Allah hanya sekadar kata nama, dan Muhammad itulah pemilik bagi kata nama Allah. Ummah sepatutnya dan sewajibnya menolak dakwaan seperti ini



kerana ketara bertentangan dengan ajaran Islam. Ummah wajib berwaspada dan memastikan ahli keluarga tidak terpedaya dengan kesesatan ajaran seperti ini.

**Jemaah yang dirahmati Allah,**

Mimbar memperingatkan :

**Pertama:** Difahami, diyakini dan dihayati secara kukuh pegangan ahli Sunnah Waljamaah, satu-satunya akidah dan pegangan yang dijamin selamat daripada azab api neraka berdasarkan sabda Rasulullah SAW, riwayat Imam Tirmizi yang bermaksud: "Umatku akan berpecah kepada 73 kumpulan. Semuanya dimasukkan ke neraka kecuali satu kumpulan. Sahabat bertanya siapakah mereka wahai Rasulullah?, Baginda menjawab: Mereka yang berada di atas jalanku dan para sahabatku".

**Kedua:** Dijauhi dan ditinggalkan pelbagai ajaran, aliran dan dakwaan yang menyalahi syarak.

**Ketiga:** Dilaporkan kepada pihak berkuasa jika terdapat ajaran-ajaran yang meragukan.

**Keempat:** Diperkuuhkan ilmu agama dengan mempelajari dan menekuni wahyu al-Quran dan As-Sunnah daripada agamawan yang berkelayakan, yang memiliki tauliah mengajar daripada pihak berkuasa.

**Kelima:** Dihayati firman Allah SWT ayat 45 surah al-Baqarah, menyeru manusia agar meminta pertolongan hanya kepada Allah SWT dengan sifat sabar dan yakin, serta memperbanyak solat yang dikembarkan doa yang tulus ikhlas.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ وَكُوئُنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَنِيهِمْ  
وَالْأَفْ بَيْنَ قُوَّهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ</sup>.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!** Hindari kami daripada melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan akidah. Bimbing kami untuk memahami Islam dengan kefahaman yang benar. Jauhi kami dari terpedaya dengan ajaran yang bertentangan dengan akidah.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا مَا إِنَّا فِي الْأُخْرَةِ حَسَنَةً وَفِي قَنَاعَةٍ عَذَابَ الْأَنَارِ  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَائِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ  
وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.

## IMAM/KHATIB BERTUGAS: PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT

### Lampiran A



The advertisement features a black and white photograph of a smiling couple, a man with glasses and a woman in a hijab, holding hands. In the top right corner is the Tabung Haji logo. Below the photo, the word "MEMPERKENALKAN" is written in a dark box. The main title "TH Khairat" is displayed prominently in large letters, followed by the subtitle "MANFAAT UNTUK DIRI DAN YANG TERSAYANG". Two price points are listed: "RM 28 setahun" and "RM 12,000 kepada penerima manfaat". A callout box says "ISTIMEWA UNTUK PENDEPOSIT TH". Below the plan details, a statement reads: "Anda akan mendapat manfaat perlindungan sebanyak RM12,000 sekiranya berlaku **kematian** atau **hilang keupayaan kekal dan menyeluruh**". At the bottom, there are social media links for Facebook (@Tabung\_Haji), Twitter (@Tabung\_Haji), and Instagram (@tabunghaji), along with the Tabung Haji logo and contact information: +603 6207 1919 and [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my).

Memperkenalkan THkhairat: Pelan sukarela yang menawarkan perlindungan Takaful asas sebanyak RM12,000 terhadap kematian atau hilang upaya kekal dan menyeluruh dengan langganan tahunan serendah RM28. Perlindungan ini akan memberi bantuan kewangan kepada penerima manfaat sekiranya berlaku kematian ke atas pendeposit. Sebahagian darinya iaitu RM2,000 boleh dijadikan sumbangan (infaq) bagi pihak si mati kepada pertubuhan kebajikan yang dinamakan oleh Pengendali Takaful.

## Lampiran B




### KEMAS KINI MAKLUMAT PERIBADI SEBELUM 1 OKTOBER 2023

Pendeposit yang masih tidak **mengemas kini maklumat peribadi**, transaksi anda akan **disekat**.




**Pengeluaran**



**Pendaftaran Haji**



**Semakan Penyata**



**Lain-lain**

Kemas kini maklumat akaun **TH** anda sekarang bagi melancarkan urusan anda di Tabung Haji.

Untuk bantuan dan pertanyaan, hubungi  
**Tabung Haji Contact Centre (THCC) di 03-6207 1919**

 Tabung Haji    @Tabung\_Haji    @tabunghaji    Tabung Haji    +603 6207 1919  
[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

Makluman kepada para pendeposit Tabung Haji dinasihatkan untuk mengemas kini maklumat peribadi akaun TH sebelum 1 Oktober 2023 bagi melancarkan urusan dan mengelakkan sebarang kesulitan dalam melakukan transaksi dengan TH. Urusan kemaskini maklumat perlu dilaksanakan oleh pendeposit sekiranya terdapat perubahan pada maklumat sedia ada bagi memenuhi keperluan pihak berkuasa.